



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **883 kes**, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **42,480 kes** (75.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 23 November 2020, negara telah merekodkan kes tertinggi harian sepanjang pandemik ini iaitu sebanyak **1,884 kes baharu**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **56,659 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 13,842 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat **dua (2) kes import** yang mendapat jangkitan dari luar negara dan **1,882 kes** adalah merupakan penularan COVID-19 dalam negara.

Tiga (3) negeri yang mencatatkan kes tertinggi pada hari ini adalah Selangor iaitu sebanyak **1,203 kes (63.9 peratus)**, diikuti oleh Sabah

yang melaporkan sebanyak **289 kes (15.3 peratus)** dan seterusnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **196 kes (10.4 peratus)**. Pelaporan kes positif COVID-19 yang tinggi di Lembah Klang berpunca daripada pertambahan kes bagi kluster-kluster terutamanya kluster berkaitan tempat kerja iaitu Kluster Teratai dengan pertambahan sebanyak **1,067 kes (76.2 peratus)** dan Kluster Damanlela sebanyak **101 kes (7.2 peratus)**. Negeri Sabah pula masih melaporkan jumlah kes yang agak tinggi walaupun telah berkurang berbanding kebelakangan ini iaitu sebanyak **289 kes**. Dari jumlah tersebut, **164 kes (56.7 peratus)** adalah hasil saringan kontak rapat.

Sebanyak **33 kes (1.8 peratus)** yang dilaporkan pada hari ini pula adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS), lokap dan penjara yang membabitkan Kluster Bakti (12 kes), Kluster GK Tawau (9 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (7 kes), Kluster Penjara Sandakan (3 kes), Kluster PTS Tawau (1 kes) dan Kluster Tembok (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**.

Sehingga kini, terdapat **115 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **48 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **dua (2) kes** kematian berkaitan COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-

19 di Malaysia adalah sebanyak **337 kes (0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
336	51858	Sabah	Lelaki (WN)	80	Hospital Duchess of Kent	-
337	53951	Sabah	Perempuan (WN)	58	Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah	Penyakit darah tinggi, penyakit jantung dan penyakit obstruktif paru-paru kronik (COAD)

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 23 November 2020, terdapat sebanyak **334 kluster** telah dilaporkan termasuk **empat (4) kluster baharu** yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster tamat pula adalah sebanyak **166 kluster** dengan **tiga (3) kluster** yang tamat hari ini iaitu Kluster Jambul, Kluster Surat, dan Kluster Hampar. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah

sebanyak **168 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **46 kluster** melaporkan pertambahan kes. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini terdiri daripada kluster-kluster yang berkaitan dengan tempat kerja iaitu **Kluster Teratai (1,067 kes)**, **Kluster Damanlela (105 kes)**, dan **Kluster Bintang (75 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **empat (4) kluster** baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER BINTANG

Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja di sebuah tapak pembinaan dalam daerah Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif di antara 17 hingga 23 November 2020 melalui saringan bersasar yang dijalankan di kawasan tersebut. Sehingga 23 November 2020, sejumlah 608 individu telah disaring, di mana 95 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini. Daripada jumlah ini, 94 kes merupakan bukan warganegara dan satu (1) warganegara.

2. KLUSTER INDAH MAS

Kluster ini melibatkan daerah Titiwangsa dan Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta daerah Petaling di Selangor. Kes indeks (iaitu kes ke-53452) dilaporkan positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 21 November 2020. Sehingga 23 November

2020, sejumlah 41 individu telah disaring, di mana 10 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER TEJA KASIH

Kluster ini melibatkan daerah Kampar dan Kinta di negeri Perak. Kes indeks (iaitu kes ke-48506) dilaporkan positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 16 November 2020. Sehingga 23 November 2020, sejumlah 130 individu telah disaring, di mana 41 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER KOBENA

Kluster ini melibatkan daerah Johor Bahru di negeri Johor. Kes indeks (iaitu kes ke-52599) yang merupakan kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) yang telah dilaporkan positif COVID-19 pada 20 November 2020. Sehingga 23 November 2020, sejumlah 111 individu telah disaring, di mana 13 kes telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

STATUS TERKINI KLUSTER TERATAI SEHINGGA 23 NOVEMBER 2020

KKM ingin memaklumkan situasi terkini Kluster Teratai di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah diisytiharkan pada 7 November 2020. Kluster ini telah menunjukkan peningkatan kes yang mendadak sejak akhir-akhir ini. Sehingga 23 November 2020, terdapat 2,524 kes positif (43.8 peratus) COVID-19 yang telah dilaporkan daripada

keseluruhan 5,767 kes yang telah disaring. Sebanyak 1,330 sampel adalah negatif dan 1,913 masih menunggu keputusan.

Kes-kes dalam kluster ini terdiri daripada 164 warganegara dan 2,360 bukan warganegara yang berumur di antara 2 hingga 68 tahun. Kebanyakan kes daripada kluster ini merupakan pekerja-pekerja kilang di kawasan Meru, Klang. Semua kes positif telah dimasukkan ke hospital dan kontak rapat mereka telah dikuarantin untuk mengelakkan jangkitan kepada pekerja-pekerja lain. Pihak pengurusan kilang telah mengambil langkah inisiatif untuk mengasingkan pekerja-pekerja yang dikenalpasti sebagai kontak rapat di tempat-tempat kuarantin yang tertentu. Sehingga hari ini, tiada kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi dan tiada kes kematian dilaporkan.

Sejak 17 November 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) telah dilaksanakan di sekitar kawasan asrama pekerja dan rumah-rumah pekerja. Jumlah penduduk yang terlibat dalam PKPD adalah lebih kurang 5,900 orang. Namun, maklumat yang diperolehi daripada pihak pengurusan kilang mendapati keseluruhan pekerja adalah sebanyak lebih kurang 13,000 orang yang bertugas di 28 buah bangunan kilang yang berbeza. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang sedang bekerjasama dengan pihak pengurusan kilang untuk perancangan membuat saringan ke atas semua pekerja ini.

Perbincangan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) telah diadakan dengan pelbagai agensi kerajaan pada 23 November 2020, di mana ianya telah berkisar sekitar cadangan

penutupan kilang-kilang berkaitan secara berperingkat. KKM menyambut baik perkara ini, yang telah pun diumumkan sebentar tadi oleh YB Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob. Ini membolehkan saringan dijalankan secara menyeluruh. Untuk itu, pasukan perubatan dan kesihatan awam bantuan akan digerakkan ke kawasan yang terlibat bagi membantu segala aktiviti kawalan dan pencegahan termasuk saringan yang akan dipergiatkan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

23 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 23 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	289	26,387
SELANGOR	1,203	10,955
W.P. KUALA LUMPUR	196 (1)	5,056
NEGERI SEMBILAN	41	3,985
KEDAH	36	2,376
PULAU PINANG	12	1,780
W.P. LABUAN	0	1,240
PERAK	81	1,185
JOHOR	15 (1)	1,100
SARAWAK	0	1,055
PAHANG	0	395
MELAKA	0	382
KELANTAN	9	288
TERENGGANU	0	234
W.P. PUTRAJAYA	1	198
PERLIS	1	43
JUMLAH KESELURUHAN	1,884 (2)	56,659

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 1,884 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 23 November 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,203 kes**
 - 1,099 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 77 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 27 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 289 kes**
 - 52 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 164 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 73 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 196 kes**
 - 187 kes daripada kluster-kluster, termasuk 80 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Bintang** dan **Kluster Indah Mas**;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 81 kes**
 - 76 kes daripada kluster-kluster, termasuk 38 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Teja Kasih**;

- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 41 kes**
 - 39 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Kedah: 36 kes**
 - 33 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 12 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 15 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kobena**;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes import dari luar negara.

- **Kelantan: Sembilan (9) kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perlis: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.